

AKHBAR : KOSMO!

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 30 MEI 2022

HARI : ISNIN

SENTIMEN : POSITIF

SOARA KONTEMPORARI
Kosmo!



MediaMulia
SDN BHD

TERKINI NEGARA ▾ K2 ▾ HIB GLAM ▾ DUNIA SUKAN NIAGA AHAD ▾ VIDEO PREMIUM



Wan Saiful, (tengah) Abdul Razak (dua kiri), dan Ahmad Dasuki (dua kanan) bergambar bersama para pemenang Kempen Gong Xi Ang Pow 2022 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur hari ini.

PTPTN rai pemenang kempen Gong Xi Ang Pow, myPTPTN Klik-klik je!

PETALING JAYA – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) meraikan pemenang Kempen Gong Xi Ang Pow 2022 dan Kempen myPTPTN Klik-klik je! di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur sempena Majlis Mesra Bersama Pelanggan hari ini.

Kempen yang bertemakan 'Gong Xi Simpan, Kongsi Ong! Hari-Hari Mesti Mau Simpan Tau!' itu merupakan kempen simbolik yang diadakan bagi meraikan kemeriahan Tahun Baru Cina agar kasih sayang sama-sama dirasakan oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

Seramai lapan orang pemenang setiap negeri telah memenangi hadiah keseluruhan hampir RM100,000 yang mana pemenang tempat pertama

membawa pulang televisyen (TV) Pintar 4K 50 inci, diikuti hadiah berupa periuk tekanan tinggi (kedua) dan sebuah basikal lipat (ketiga).

Pengerusi PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, mewakili barisan Ahli Lembaga pengurusan dan pengurusan PTPTN, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pemenang kedua-dua kempen yang diadakan.

“Saya harap hadiah yang dimenangi ini dapat dimanfaatkan sebaiknya untuk keluarga dan masa hadapan anak-anak. Semoga dengan kemenangan ini menyuntik semangat dan motivasi kepada orang ramai untuk terus menabung dalam Simpan SSPN,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Wan Saiful berkata, usaha ini juga membantu Simpan SSPN dalam mengekalkan portfolio cemerlang bermula tahun 2018 dengan jumlah keseluruhan deposit terkumpul sebanyak RM12.05 billion.

“Secara keseluruhan, setakat 30 April 2020, sebanyak 5.36 juta akaun Simpan SSPN telah dibuka sejak instrumen simpanan ini diperkenalkan pada tahun 2004.

“Hari ini, saya gembira kerana visi ini telah berjaya diterjemahkan oleh para pegawai PTPTN melalui kutipan deposit Simpan SSPN yang sudah empat tahun berturut-turut mencatatkan peningkatan yang signifikan,” ujarnya.

Dalam pada itu, turut diraikan pada majlis tersebut adalah pemenang Kempen myPTPTN Klikklik je! yang menawarkan hadiah keseluruhan berupa wang tunai berjumlah RM250,000 manakala lima pemenang lagi menerima Ang Pow bernilai RM388 setiap seorang sebagai hadiah saguhati.

Hadiah yang disediakan untuk 25 pemenang sempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN itu adalah untuk menggalakkan pelanggan memuat turun dan menggunakan aplikasi mudah alih myPTPTN.

“Orang ramai boleh memuat turun myPTPTN sekarang dan memanfaatkan pelbagai perkhidmatan yang telah disediakan.

"Aplikasi myPTPTN boleh dimuat turun di telefon mudah alih melalui platform pengedaran digital seperti 'App Store' bagi pengguna iOS,'Play Store' bagi pengguna Android dan 'Huawei AppGallery' bagi pengguna Huawei," jelasnya. -KOSMO! ONLINE

<https://www.kosmo.com.my/2022/05/30/ptptn-rai-pemenang-kempen-gong-xi-ang-pow-myptptn-klik-klik-je/>